

edotco Group Sdn Bhd

DATA PRIVACY NOTICES

Statement of Confidentiality:

The information in this policy is the sole property of edotco Group Sdn Bhd (“**edotco**”) and is strictly confidential. This document shall not be used for any other purposes except as permitted in the document and shall not be disclosed to unauthorized parties without the prior written consent of edotco Group.

Privacy Notice for Employees

edotco Group Sdn Bhd, together with its subsidiaries (collectively referred to as “edotco”, “us” or “we” or “our”) are committed to protecting its employees’ personal data. In edotco, we take Privacy seriously and all our activities are underpinned by our **T.R.U.S.T** principles of being Transparent, respecting your Rights, in our Use of your personal data, through robust cyber Security practices and we take due care when Transfer of data is required.

This Employee Privacy Notice (“Privacy Notice”) is aimed to explain how we handle and protect our employees’ personal data and what are our data protection obligations along with your rights are. “Employee” for the purpose of this Privacy Notice shall include both permanent and contractual employees and Personal data (hereinafter referred to as ‘data’) refers to any information about an identifiable individual.

1. What data do we collect?

edotco may collect your data and in certain scenarios, data of your family members in electronic and/or physical form, depending upon the requirement. Such data may be stored at edotco and third-party premises within IT Systems (HR Management system, e-mail, database, hard drives), document warehouses etc.

Your data that we collect includes, but is not limited to:

- Identification data – such as your name, gender, photograph, date of birth, Employee identification number and biometric data.
- Contact details – such as your home address, telephone number, email addresses, beneficiaries and emergency contact details.
- Employment details – such as your job title, office location, hire date, employment contracts, performance and disciplinary records, grievance procedures, and sickness and holiday records.
- Educational and professional background – such as your academic and professional qualifications, education, CV or résumé, reference letters and interview notes, and criminal records data (only for vetting purposes, where permissible and in accordance with applicable laws).
- National identifiers – such as your social security number, national ID or passport, immigration status and documentation, visas and insurance numbers.
- Mandatory policy acknowledgements (such as pay wage notice acknowledgement forms).

- Wage and payroll information, including but not limited to social security and national insurance numbers and direct deposit information.
- Benefit information and any forms related to applications for or changes to Employee health and welfare benefits (including short-term and long-term disability, medical and dental care).
- Spouse & dependent information – such as name, age and gender.
- Financial information – such as banking details, tax information, payroll information, withholdings, salary, benefits, expenses, allowances, and stock and equity grants.
- IT information – information required to provide access to edotco’s IT systems and networks, such as IP addresses, log files, login information, and software/hardware inventories.
- Security information -- such as access card usage (to enter edotco’s offices) and closed-circuit televisions (“CCTV”) footage.
- Other information that we may collect during times of crisis such as an outbreak of war/disease or a disaster.
- Medical information – such as reports in respect of your fitness to work, prepared by a healthcare professional.

With your consent, we may also collect sensitive personal data attributes such as race, ethnicity, sexual orientation, health information, disability information, etc. to help us understand the diversity of our workforce, conduct background verifications, conduct pre-employment health checks, etc.

If you provide us with data of other individuals, it is your responsibility to obtain consent from that individual prior to providing their data to us.

2. How do we collect your data?

Primarily, we collect your data directly from you. We may also collect your data from third parties such as Background verification vendors, hospitals/clinics, etc. We may also capture your data such as CCTV footage and other information during the course of your employment with us.

3. Who can access your data?

Following persons/entities can access your data:

- internal functions/teams of edotco and those of its affiliated entities, under the terms of your employment relationship with us, or

- third parties, for legal or business purposes, or
- recipients in other countries, for legal or business purposes.

These other countries may have different data protection laws than the laws of your home country. Rest assured, edotco only transfers Employee Data to another country (including to a company within the edotco Group) in accordance with Personal Data Protection Act 2010 and edotco's Data Privacy Policy.

4. How do we use your data?

Your data may be utilized for various purposes, including but not limited to:

- career progression and personal development
- administration and management of salary and employment benefits
- short term and long-term incentive plan
- employment and industrial relations disputes, including but not limited to litigation
- corporate exercises undertaken by the Group
- management of performance
- application of work permits and immigration requirements
- loans, insurance and medical purposes
- disciplinary actions or terminations
- ensure health and safety in the workplace
- accounting, financial reporting and business planning
- security monitoring purposes
- organize team-building activities and other edotco-hosted events
- other legitimate purposes reasonably required for day-to-day operations
- internal or external investigations
- research, salary surveys and for audit purpose
- comply with reasons as stated in your contract of employment with us.

We may also use your data for other lawful purposes that may arise and other legal requirements such as responding to notices, defending against claims, etc.

5. What are the legal bases for processing your data?

We process your data only under any of the following legal basis:

- where we have your consent to do so; or
- where we need the data to carry out our employment contract with you; or

- where we need the data to comply with our legal obligations or exercise rights in the field of employment.

6. Who do we disclose your data to?

We disclose your data to the below mentioned categories of third parties for carrying out few of the processing activities listed under the section '*How do we use your data*':

- companies within the edotco Group
- third party payroll processors
- background verification vendors
- any other third-party organizations providing administration or other services
- any third-party organizations involved in any corporate exercises undertaken by edotco
- any regulatory or governmental authority or authorized bodies having jurisdiction over edotco

In the event we consider it necessary or appropriate for the purpose, we may transfer personal data to a third party service or product providers within or outside the country in which we are established, which shall be done under conditions of confidentiality and similar levels of security safeguards.

7. How do we protect your data?

We shall keep and process your data in a secure manner. We endeavor, where practicable to process your data in a safe environment by preventing any unauthorized or unlawful processing of data or accidental loss or destruction of, or damage to such data. We have implemented various physical, technical and administrative security measures to protect the confidentiality, integrity and availability of your data.

8. How long do we retain your data?

We shall retain your personal data for as long as it is required for business, tax or legal purposes. Post that, we take measures to securely dispose your data.

9. Know your Rights

During and post your employment with us, as applicable, you may choose to exercise any of the following rights available to you:

- Right to access and obtain a copy of your data on request.
- Right to update / modify your data.

- Right to withdraw your consent where the processing is based on your consent.

To exercise your rights, you can reach out to us through the details under ‘**Contact Us**’ section given below.

10. Know your responsibilities

It is your obligation to furnish to us with data which are true and accurate. Your failure or refusal to provide data when requested, may hinder our ability to:

- process the data for the purpose(s) stated herein; and
- administer the rights and obligations under our employment relationship efficiently.

11. By submitting your data to us, you acknowledge that:

- You have read and understood this Privacy Notice and agree to the use of your data as set out herein.
- All your representations are true and correct to the best of your knowledge, and you have not knowingly omitted any related information of adverse nature.

12. Contact Us

If you have any questions or complaints about this notice, our privacy and information handling practices, or would like to exercise your rights as data subjects, kindly reach out to us via email; privacy@edotcogroup.com

13. Updates to the Privacy Notice

edotco reserves the right to amend, modify, vary or update this Privacy Notice, at its sole discretion from time to time, as and when the need arises. The most recently published Privacy Notice shall prevail over any of its previous versions. edotco has no obligation to inform you of any variations and you are encouraged to check this Privacy Notice from time to time to stay informed of any changes. You agree to adhere to the terms of the Privacy Notice including any variations.

14. Version Info

This notice was published on 15th October 2020 and last updated on 23rd September 2020.

Notis Privasi

edotco Group Sdn Bhd dan ahli kumpulan syarikatnya (bersama-sama dirujuk sebagai “edotco”, “kami” atau “kita”) komited untuk melindungi data peribadi pelanggan, rakan kongsi perniagaan, pelawat, calon kerja dan/atau pekerja kami serta data peribadi individu yang bekerja untuk, atau bertindak bagi pihak, pelanggan dan/atau rakan kongsi perniagaan kami (secara kolektif “subjek data”) yang diberikan kepada kami. Di Axiata, kami memandang Privasi secara serius dan semua aktiviti kami disokong oleh prinsip **T.R.U.S.T** iaitu yang Telus (Transparent), menghormati Hak (Rights) anda, semasa kami Menggunakan (Use) data peribadi anda, melalui amalan Keselamatan (Security) siber yang mantap dan kami mengambil langkah berhati-hati semasa Memindahkan (Transfer) data yang diperlukan.

Notis Privasi Pekerja (“Notis Privasi”) ini menjelaskan apa dan cara data peribadi **dikumpulkan dan seterusnya diproses oleh kami**, untuk **tujuan apa data itu dikumpulkan dan seterusnya diproses oleh kami, sumber (jika ada) data peribadi, kepada siapa data peribadi itu didedahkan** dan cara mengakses dan **mengemaskini** data peribadi anda dan ke mana anda boleh pergi untuk mendapatkan **maklumat lanjut berhubung data peribadi berkenaan**.

Jika anda menyediakan data peribadi individu lain kepada kami, anda dengan ini menyatakan bahawa anda telah mendapatkan kebenaran daripada individu berkenaan sebelum memberikan data peribadi mereka kepada kami. Rujukan kepada ‘data peribadi anda’ dalam Notis Privasi merangkumi data peribadi individu berkenaan yang anda berikan kepada kami.

Kami boleh dari masa ke semasa meminda, mengubah suai, menukar atau mengemaskini Notis Privasi ini dan anda akan terikat dengan pengubahsuaian, variasi atau kemas kini berkenaan.

Maklumat mengenai Kanak-kanak

Jika anda berumur di bawah [18] tahun, anda perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa, penjaga atau orang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa ke atas anda sebelum

menghantar data peribadi anda kepada kami (sebagai contoh, nama, alamat dan alamat e-mel anda).

Apakah data yang kami kumpulkan?

Jenis data peribadi yang boleh dikumpul atau diperolehi mungkin berbeza-beza mengikut hubungan kami dengan subjek data dan termasuk yang berikut:

A. Untuk Pelanggan

- maklumat perhubungan (seperti nama, alamat, alamat e-mel dan nombor telefon)
- maklumat pengenalan (seperti nombor kad pengenalan, nombor pengenalan pasport, nombor insurans kebangsaan, nombor pendaftaran cukai, nombor keselamatan sosial, lesen memandu, tarikh lahir dll.)
- maklumat demografik (seperti julat umur, status perkahwinan, jantina dll.)
- gambar, seperti yang anda kemukakan untuk peraduan atau pertandingan memenangi hadiah
- maklumat khusus produk (seperti keutamaan, kumpulan pengguna tertutup (CUG), rakan dan keluarga yang anda pilih untuk dimasukkan ke dalam pelan perkhidmatan anda, had kredit dll.)
- maklumat perbankan (seperti debit langsung dan transaksi perbankan pembayaran bil berkaitan)
- maklumat akaun perkhidmatan (seperti penggunaan panggilan, baki akaun, sejarah transaksi, maklumat kredit, pengebilan dan mata kesetiaan).
- sebarang rakaman yang diambil atau direkodkan oleh sistem kamera pengawasan (CCTV) kami

B. Untuk Rakan Kongsi Perniagaan dan Pembekal/Vendor

- maklumat perhubungan (seperti nama, alamat, alamat e-mel dan nombor telefon)
- maklumat pengenalan (seperti nombor kad pengenalan, nombor pengenalan pasport, nombor insurans kebangsaan, nombor pendaftaran cukai, nombor keselamatan sosial, lesen memandu, tarikh lahir)
- maklumat perniagaan (seperti nama organisasi, jawatan, jabatan, alamat perniagaan)
- sebarang rakaman yang diambil atau direkodkan oleh sistem kamera pengawasan (CCTV) kami

C. Untuk Pelawat

(ke mana-mana premis kami)

- maklumat perhubungan (seperti nama, alamat, alamat e-mel dan nombor telefon)
- maklumat pengenalan (seperti nombor kad pengenalan, nombor pengenalan pasport, nombor insurans kebangsaan, nombor pendaftaran cukai, nombor keselamatan sosial, lesen memandu, tarikh lahir dll.)
- maklumat perniagaan (seperti nama organisasi, jawatan, jabatan, alamat perniagaan)
- bangsa
- kerakyatan
- sebab kunjungan
- tarikh dan masa kunjungan
- gambar
- biometrik dan pengecaman wajah
- nota keselamatan (arahan khas dan sekatan akses)
- sebarang rakaman yang diambil atau direkodkan oleh sistem kamera pengawasan (CCTV) kami

D. Untuk Calon Pekerja dan Pekerja

- maklumat perhubungan (seperti nama, alamat, alamat e-mel dan nombor telefon)
- maklumat pengenalan (seperti nombor kad pengenalan, nombor pengenalan pasport, nombor insurans kebangsaan, nombor pendaftaran cukai, nombor keselamatan sosial, lesen memandu, tarikh lahir dll.)
- maklumat akademik dan profesional (seperti pendidikan, kelayakan profesional dan lesen)
- sejarah pekerjaan (seperti jawatan dan lokasi kerja sebelum ini, tempoh pekerjaan)
- biometrik dan pengecaman wajah
- jantina
- bangsa
- kerakyatan
- maklumat perhubungan ketika kecemasan (seperti nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel dan maklumat perhubungan lain)
- status perkahwinan

- benefisiari/keluarga terdekat
- maklumat perbankan (seperti akaun debit langsung)
- maklumat IT (seperti alamat IP utama/peribadi, fail log, inventori perisian/perkakasan)
- gambar
- biometrik dan pengecaman wajah
- sebarang rakaman yang diambil atau direkodkan oleh sistem kamera pengawasan (CCTV) kami
- keahlian kesatuan pekerja
- maklumat kesihatan – seperti laporan berkenaan kecerdasan anda untuk bekerja, disediakan oleh penjaga kesihatan profesional

Data peribadi sensitif tambahan yang boleh kami kumpulkan:

- sejarah pekerjaan tambahan (seperti rekod pencapaian dan disiplin, perubatan, hospital dan rekod cuti tahunan, butiran gaji)
- keputusan ujian kesihatan anda, jika ada
- pandangan atau sekutu falsafah dan politik
- kepercayaan agama
- orientasi seksual
- rekod jenayah

Data peribadi tambahan yang kami kumpulkan

Semasa krisis seperti peperangan, keganasan, rusuhan, bencana alam atau wabak kesihatan/penyakit kami boleh mengumpul:

- keadaan kesihatan dan fizikal
- keadaan kesihatan individu dalam isirumah anda
- keputusan ujian kesihatan anda, jika ada
- sama ada anda telah mengasingkan diri ketika anda sihat / tidak sihat
- suhu badan
- pandangan atau sekutu politik

Bilakah kami mengumpul data peribadi anda?

Kami boleh mengumpul atau memperoleh data peribadi anda:

A. Untuk Pelanggan

- apabila anda menggunakan rangkaian, produk dan/atau perkhidmatan kami (termasuk melalui pusat panggilan kami, saluran pengedar dan penjual)
- apabila anda menghubungi kami atau mendaftar untuk maklumat berkaitan rangkaian, produk dan/atau perkhidmatan kami atau untuk sebarang tujuan lain
- apabila anda berkomunikasi dengan kami (seperti SMS, mesej teks atau saluran digital lain, e-mel, soal selidik atau tinjauan)
- apabila anda menggunakan atau berinteraksi dengan mana-mana aplikasi kami, mengunjungi mana-mana laman web atau halaman media sosial kami
- apabila anda mengambil bahagian dalam mana-mana acara promosi, program insentif atau kesetiaan kami
- daripada agensi luar (seperti agensi rujukan kredit, agensi saringan atau penyiasatan)
- daripada pangkalan data dalam kami berdasarkan hubungan anda dengan mana-mana ahli kumpulan syarikat kami
- daripada sistem kamera pengawasan (CCTV) kami

B. Untuk Rakan Kongsi Perniagaan dan Pembekal/Vendor

- apabila anda menggunakan rangkaian, produk dan/atau perkhidmatan kami
- apabila anda berkomunikasi dengan kami (seperti SMS, mesej teks atau saluran digital lain, e-mel, soal selidik atau tinjauan)
- apabila anda menggunakan atau berinteraksi dengan mana-mana aplikasi kami, mengunjungi mana-mana laman web atau halaman media sosial kami
- daripada agensi luar (seperti agensi rujukan kredit, agensi saringan atau penyiasatan)
- daripada pangkalan data dalam kami berdasarkan hubungan anda dengan mana-mana ahli kumpulan syarikat kami
- daripada sistem kamera pengawasan (CCTV) kami

C. Untuk Pelawat

- apabila anda melengkapkan borang pendaftaran pelawat atau kemasukan pelawat
- apabila anda menyediakan dokumen pengenalan anda kepada kami
- apabila anda menyediakan hos anda dengan maklumat
- daripada sistem kamera pengawasan (CCTV) kami

D. Untuk Calon Pekerja dan Pekerja

- apabila anda membuat permohonan kepada kami
- apabila anda berkomunikasi dengan kami (seperti SMS, mesej teks atau saluran digital lain, e-mel, soal selidik atau tinjauan)
- daripada agensi luar (seperti agensi rujukan kredit, agensi saringan atau penyiasatan)
- daripada perujuk anda
- daripada majikan anda sebelum ini
- daripada sesiapa yang anda mempunyai hubungan perniagaan
- daripada perekrut anda atau kami, agensi perekrutan atau laman web/platform perekrutan
- daripada penasihat kesihatan dan fizikal anda (seperti doktor atau doktor gigi)
- daripada pangkalan data dalaman kami kepada hubungan anda dengan ahli kumpulan syarikat kami
- daripada sistem kamera pengawasan (CCTV) kami

Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda?

Data peribadi anda boleh digunakan atau diproses untuk tujuan:

A. Untuk Pelanggan

- menyediakan untuk anda produk, perkhidmatan dan/atau tawaran kami yang mungkin menarik minat anda
- memaklumkan anda tentang faedah dan perubahan ciri produk dan perkhidmatan kami
- menyediakan untuk anda tawaran, kempen dan promosi kami yang terkini (di mana

anda melanggan untuk kemas kini demikian)

- menghantar kepada anda mesej perkhidmatan mengenai pendaftaran langganan atau akaun kami
- menggunakan data anda untuk menyertai tinjauan atau mesyuarat pelanggan kami
- pematuhan undang-undang, tanggungjawab kontraktual dan/atau peraturan yang melindungi atau melaksanakan hak dan remedi undang-undang, kontraktual dan/atau peraturan kami
- menghantar maklumat anda melalui panggilan telefon, mesej teks atau saluran digital lain, e-mel, dll. atau media sosial tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga terpilih yang kami fikir akan menarik minat anda
- tujuan sah lain

B. Untuk Rakan Kongsi Perniagaan dan Pembekal/Vendor

- pelaksanaan perniagaan
- organisasi dan pengurusan perniagaan
- kesihatan, keselamatan dan keamanan
- pematuhan undang-undang, tanggungjawab kontraktual dan/atau peraturan yang melindungi atau melaksanakan hak dan remedi undang-undang, kontraktual dan/atau peraturan kami
- melindungi kepentingan dan aset kami
- tujuan sah lain

C. Untuk Pelawat

- kesihatan, keselamatan dan keamanan
- pematuhan undang-undang, tanggungjawab kontraktual dan/atau peraturan yang melindungi atau melaksanakan hak dan remedi undang-undang, kontraktual dan/atau peraturan kami
- tujuan sah lain

D. Untuk Calon Pekerja

- mengenalpasti dan menilai calon untuk potensi pekerjaan, serta untuk peranan masa depan yang mungkin tersedia
- menyimpan rekod berkaitan dengan perekrutan dan pengambilan kerja
- melakukan pemeriksaan latar belakang, sebagaimana yang dibenarkan oleh

undang-undang berkenaan

- pematuhan undang-undang, tanggungjawab kontraktual dan/atau peraturan yang melindungi atau melaksanakan hak dan remedi undang-undang, kontraktual dan/atau peraturan kami
- menghubungi anda atau perhubungan kecemasan anda dalam situasi kecemasan di mana kesihatan dan keselamatan satu atau lebih individu mungkin terancam
- tujuan sah lain

E. Untuk Pekerja

(selain daripada tujuan yang dinyatakan untuk Calon Pekerja di atas)

- kemajuan kerjaya dan pembangunan peribadi
- pentadbiran dan pengurusan gaji dan faedah pekerjaan
- pelan insentif jangka pendek dan panjang
- pertikaian hubungan pekerjaan dan industri, termasuk tetapi tidak terhad kepada litigasi
- pelaksanaan prosedur korporat yang dijalankan oleh ahli kumpulan syarikat kami
- pengurusan prestasi
- permohonan permit kerja dan syarat imigresen
- tujuan pinjaman, insuran dan perubatan
- tindakan disiplin atau penamatan
- memastikan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja
- perakaunan, pelaporan kewangan dan perancangan perniagaan
- tujuan pemantauan keselamatan
- mengatur aktiviti pembinaan pasukan dan acara lain yang berkaitan perniagaan
- penyiasatan dalaman atau luaran
- penyelidikan, tinjauan gaji dan untuk tujuan audit
- untuk mematuhi alasan yang dinyatakan dalam kontrak pekerjaan anda dengan kami
- berkaitan dengan mana-mana permintaan atau tuntutan undang-undang atau peraturan

Kepada siapa kami dedahkan data anda?

Kami mendedahkan data peribadi anda:

A. Untuk Pelanggan

- kepada ahli kumpulan syarikat kami
- kepada syarikat pengangkutan dan pengendali lain semasa menghalakan panggilan antarabangsa
- kepada pihak ketiga apabila pendedahan diperlukan atau wajar untuk melindungi hak kami, melindungi keselamatan anda, menyasat penipuan atau bertindak balas kepada permohonan penguatkuasaan undang-undang
- kepada penyedia perkhidmatan, jurutera lapangan, kontraktor, subkontraktor kami atau mana-mana pihak ketiga yang melaksanakan kerja bagi pihak kami atau mengikut arahan kami
- kepada rakan kongsi perniagaan kami untuk aktiviti pemasaran kami
- kepada pihak ketiga untuk semakan kredit dan pengurusan penipuan
- kepada pihak ketiga untuk menjalankan analisis untuk memahami cara anda menggunakan perkhidmatan kami
- kepada pihak ketiga untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan
- kepada pengedar atau ejen kami
- kepada pihak ketiga bagi tujuan yang ditetapkan di bawah “Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda?”

B. Untuk Rakan Kongsi Perniagaan dan Pembekal/Vendor

- kepada ahli kumpulan syarikat kami
- kepada ejen pihak ketiga, penyedia perkhidmatan, perunding, penasihat, kontraktor dan/atau subkontraktor kami
- kepada mana-mana pihak berkuasa awam, kerajaan, agensi kawal selia atau fiskal di mana perlu untuk mematuhi tanggungjawab undang-undang atau peraturan yang tertakluk ke atas atau sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai yang berkenaan
- kepada pihak ketiga bagi tujuan yang ditetapkan di bawah “Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda?”

C. Untuk Pelawat

Kami tidak berkongsi/memindahkan data peribadi anda secara rutin dengan mana-mana organisasi luar atau pihak ketiga. Walau bagaimana pun, di mana dan bila kami berkongsi/memindahkan data peribadi anda, ia adalah untuk tujuan yang ditetapkan di bawah “Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda?” dan kami akan melakukannya mengikut undang-undang privasi data yang berkenaan, melainkan dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.

D. Untuk Calon Pekerja dan Pekerja

- kepada ahli kumpulan syarikat kami
- kepada penyedia pengesahan latar belakang
- kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan atau badan yang diberi kuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau ahli kumpulan syarikat kami
- kepada pemproses gaji pihak ketiga
- kepada mana-mana organisasi pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran atau perkhidmatan lain
- kepada mana-mana organisasi pihak ketiga yang terlibat dalam sebarang pelaksanaan prosedur korporat yang dijalankan oleh kami atau ahli kumpulan syarikat kami
- kepada pihak ketiga untuk tujuan yang ditetapkan di bawah “Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda?”

Kami menggunakan usaha yang munasabah berdasarkan amalan terbaik industri bagi memastikan bahawa yang dinyatakan di atas mengekalkan kerahsiaan data peribadi anda dan dilarang daripada menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang tidak dibenarkan.

Pemindahan Data Peribadi

Kami boleh memindahkan data peribadi anda merentasi sempadan geografi kepada entiti lain. Apabila data peribadi anda telah dipindahkan kepada ahli kumpulan syarikat kami dan/atau pihak ketiga yang berada di luar Malaysia, pemindahan data peribadi anda dilaksanakan di bawah langkah-langkah organisasi, kontraktual dan undang-undang dan

dengan tahap perlindungan yang mencukupi dilaksanakan serta keperluan undang-undang tempatan tambahan bagi pihak yang menerima maklumat ini bagi melindungi data peribadi anda.

Bagaimana kami menyimpan dan melindungi data peribadi anda?

Kami boleh mengumpulkan dan menyimpan data peribadi anda dalam bentuk elektronik atau fizikal, bergantung kepada keperluan. Maklumat boleh disimpan di premis kami dan pihak ketiga dalam Sistem IT (cth. penstoran awan luaran, sistem pengurusan dalaman atau pihak ketiga, e-mel, pangkalan data, pemacu keras), gudang dokumen dll.

Kami berusaha, di mana yang praktikal untuk memproses data peribadi anda dalam persekitaran yang selamat bagi mencegah sebarang pemprosesan data yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang atau kehilangan atau kemusnahan, atau kerosakan kepada data berkenaan yang tidak disengajakan. Kami telah melaksanakan pelbagai langkah keselamatan fizikal, teknikal dan pentadbiran untuk melindungi data peribadi anda dan rangkaian kami daripada akses yang tidak dibenarkan. Sebahagian dari langkah-langkah ini adalah termasuk:

- penyulitan data dalam perjalanan atau tidak aktif
- pematuhan ketat terhadap amalan privasi dan amalan keselamatan
- penilaian dan semakan keselamatan berkala untuk menambah baik amalan kami
- menghadkan akses data kepada kakitangan yang perlu sahaja untuk mengetahui data tersebut.

Berapa lama kami akan menyimpan data anda?

Kami akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang diperlukan bagi tujuan pengumpulannya. Tempoh penyimpanan untuk data peribadi boleh juga dipengaruhi oleh keperluan undang-undang berkenaan. Dalam semua kes, maklumat boleh disimpan untuk a) tempoh masa yang lebih lama di mana terdapat alasan undang-undang atau peraturan untuk melakukannya (dalam kes ia akan dipadam sebaik sahaja tidak diperlukan untuk tujuan undang-undang atau peraturan) atau b) tempoh yang lebih pendek di mana individu membantah untuk memproses data peribadi mereka.

Apakah hak anda?

Kami menghormati hak dan privasi anda dengan mengambil langkah-langkah bagi memastikan data peribadi anda adalah tepat dan terkini. Dalam mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kami memastikan bahawa:

- anda mempunyai hak untuk mengetahui apakah data peribadi anda yang kami ada
- anda mempunyai hak untuk meminta salinan data peribadi anda
- anda mempunyai hak untuk membetulkan data peribadi anda bagi memastikannya tepat, lengkap dan terkini
- anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda daripada kami terus memproses data peribadi tersebut
- anda boleh meminta kami menghadkan cara kami menggunakan data peribadi anda yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan atau kesulitan
- anda berhak untuk mencegah pemrosesan data peribadi anda di mana ia dilaksanakan atau akan dilaksanakan bagi tujuan pemasaran secara langsung.

Untuk melaksanakan hak anda, anda boleh menghubungi kami melalui butiran di bahagian ***‘Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut’*** di bawah.

Anda boleh meminta kami menghentikan penghantaran komunikasi kami dengan menghubungi kami di butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah. Pilihan-pilihan ini tidak terpakai kepada penerimaan komunikasi mandatori produk atau perkhidmatan komunikasi yang dianggap sebahagian daripada produk atau perkhidmatan Axiata, yang anda boleh terima secara berkala, melainkan anda membatalkan langganan produk atau perkhidmatan kami.

Akibat tidak memberikan Data Peribadi

Kami boleh meminta pengumpulan data peribadi tertentu mengenai anda dan kegagalan mengemukakan maklumat berkenaan boleh:

- menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan anda dan/atau menyediakan perkhidmatan kami kepada anda
- menyebabkan kami tidak dapat membalas permintaan anda bagi produk/perkhidmatan kami

- menghadkan atau menghalang akses ciri tertentu di laman web/pautan web kami
- menyebabkan kami tidak dapat mengemaskini anda dengan maklumat terkini mengenai sebarang promosi, perkhidmatan/produk atau pelancaran kami
- menyebabkan anda tidak dapat menerima jemputan ke aktiviti promosi yang dianjurkan oleh kami
- memberi kesan negatif terhadap keupayaan kami untuk berkomunikasi dengan anda
- menyebabkan kami dapat memasuki kontrak dengan anda atau pihak bertentangan atau meneruskan kontrak dengan anda atau pihak bertentangan
- memberi kesan negatif kepada peluang anda untuk dipilih bagi sebarang pekerjaan, penglibatan atau latihan amali

Dengan mengemukakan data peribadi anda kepada kami, anda mengesahkan bahawa:

- i. Anda telah membaca dan memahami Notis Privasi ini dan bersetuju dengan penggunaan, pemprosesan dan pemindahan data peribadi anda seperti yang dinyatakan di sini.
- ii. Semua maklumat dan representasi adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan anda dan anda adalah dengan tidak sengaja meninggalkan mana-mana maklumat berkaitan yang mungkin akan meninggalkan kesan tidak baik.

Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai notis ini, privasi kami dan amalan pengendalian privasi, atau ingin melaksanakan hak anda sebagai subjek data, sila hubungi Pegawai Privasi Data kami melalui e-mel; privacy@edotcogroup.com

Kemas Kini kepada Notis Privasi

Kami berhak untuk meminda, mengubah suai, menukar atau mengemas kini Notis Privasi ini, mengikut budi bicara kami dari masa ke semasa, sekiranya perlu. Notis Privasi terkini yang diterbitkan akan mengambil keutamaan ke atas mana-mana versi sebelumnya. edotco tidak akan bertanggungjawab untuk memaklumkan anda mengenai sebarang perubahan dan anda adalah digalakkan untuk sentiasa menyemak akan sebarang perubahan yang berlaku terhadap Notis Privasi ini dari masa ke semasa. Anda bersetuju untuk mematuhi terma Notis Privasi ini termasuk mana-mana perubahan di dalamnya.